

# AMPICILLA CAPSULE / POWDER FOR ORAL SUSPENSION

Ampicillin (250mg, 125mg/5mL)

## Apakah yang ada pada risalah Ini

1. Apakah kegunaan Ampicilla Capsule / Powder for Oral Suspension
2. Bagaimana Ampicilla Capsule / Powder for Oral Suspension berfungsi
3. Sebelum mengambil Ampicilla Capsule / Powder for Oral Suspension
4. Cara pengambilan Ampicilla Capsule / Powder for Oral Suspension
5. Semasa mengambil Ampicilla Capsule / Powder for Oral Suspension
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ampicilla Capsule / Powder for Oral Suspension
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Ampicilla Capsule / Powder for Oral Suspension

Nama ubat ini ialah Ampicilla Capsule / Powder for Oral Suspension. Ubat ini tergolong di dalam kumpulan ubat yang dipanggil antibiotik 'broad spectrum'

Ampicilla Capsule / Powder for Oral Suspension mengandungi ampicillin yang digunakan untuk merawat jangkitan.

## Bagaimana Ampicilla Capsule / Powder for Oral Suspension berfungsi

Ampicilla Capsule / Powder for Oral Suspension bertindak dengan cara membunuh bakteria penyebab jangkitan atau menghentikan pertumbuhan bakteria tersebut.

## Sebelum mengambil Ampicilla Capsule / Powder for Oral Suspension

### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Ampicilla Capsule / Powder for Oral Suspension jika anda alah kepada Ampicillin atau Penisilin.

### *Hamil dan menyusukan bayi*

Jangan ambil Ampicilla Capsule / Powder for Oral Suspension jika anda hamil, sedang merancang untuk hamil atau mungkin hamil tanpa berbincang dengan doktor anda terlebih dahulu.

Jangan ambil Ampicilla Capsule / Powder for Oral Suspension jika anda sedang menyusukan bayi. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### -Sebelum mengambil Ampicilla

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan kepada Ampicillin, Penisilin atau mana-mana antibiotik lain.

Sebelum anda mengambil Ampicilla Capsule / Powder for Oral Suspension doktor anda perlu tahu jika anda mempunyai masalah hati atau kerosakan buah pinggang.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain termasuklah ubat gout seperti allopurinol dan ubat malaria, chloroquine.

## Cara pengambilan Ampicilla Capsule / Powder for Oral Suspension

Sentiasa mengambil ubat ini sepetimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Baca arahan pada label dengan teliti. Periksa dengan doktor atau ahli farmasi sekiranya anda tidak pasti.

## Cara penyediaan Ampicilla Powder for Oral Suspension:

Tambah sedikit air dan goncang botol sehingga serbuk sedikit larut. Tambah air perlahan-lahan sehingga paras yang dikehendaki dan goncang dengan baik. Simpan larutan ubat di dalam peti sejuk dan gunakan dalam tempoh 7 hari. Goncang bekas dengan baik setiap kali sebelum digunakan.

### -Berapa banyak harus diambil

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Ampicilla Capsule / Powder for Oral Suspension berkesan dalam bentuk pelbagai dos rejimen. Cadangan yang disyorkan di sini adalah sukatan yang biasa digunakan.

### **Sehingga 2 tahun:**

2.5 mL hingga 5 mL setiap 6 jam.  
½ - 1 jam sebelum makan.

### **2 hingga 10 tahun:**

5 mL hingga 10 mL setiap 6 jam.  
½ - 1 jam sebelum makan.

### **Bagi orang dewasa:**

1 hingga 4 biji kapsul (250 mg hingga 1000 mg) setiap 6 jam, setengah hingga 1 jam sebelum makan.

Untuk jangkitan saluran kencing – 2 biji kapsul (500 mg) setiap 8 jam.

*Habiskan pengambilan ubat yang telah ditetapkan.*

### -Bila perlu diambil

Ampicilla Capsule / Powder for Oral Suspension perlu diambil semasa perut kosong sebaik-baiknya setengah jam sehingga satu jam sebelum makan untuk penyerapan yang lebih baik. Ambil ubat ini pada jangka masa yang tetap. Iikut

# AMPICILLA CAPSULE / POWDER FOR ORAL SUSPENSION

Ampicillin (250mg, 125mg/5mL)

arahan pada label preskripsi anda. Habiskan ubat yang ditetapkan seperti yang telah diarahkan oleh doktor.

## -Berapa lama perlu diambil

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

## -Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa mengambil ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos yang seterusnya, abaikan dos yang terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada waktunya. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

## -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat, jika mengambil dos yang berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa mengambil Ampicilla Capsule / Powder for Oral Suspension

### -Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Ampicilla.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda telah hamil semasa menggunakan ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Ampicilla Capsule / Powder for Oral Suspension dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda hamil, cuba untuk hamil atau sedang menyusukan bayi, jangan ambil Ampicilla tanpa berbincang dengan doktor anda terlebih dahulu.

## Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Ampicilla Capsule / Powder for Oral Suspension boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Seperti penisilin lain, kesan sampingan biasanya ringan dan sementara. Kesan sampingan yang biasa termasuklah:

- Tindakbalas alergik yang teruk yang mana boleh menyebabkan kesukaran bernafas.
- Bengkak pada bibir, pipi, lidah dan kelopak mata.
- Ruam, gatal-gatal kulit seperti melepuh dan bengkak.
- Kesukaran atau ketidaksesuaian untuk membuang air kencing, terdapat darah di dalam air kencing atau sakit bahagian belakang (mungkin tanda radang pada buah pinggang).
- Cirit-birit yang teruk (mungkin mengandungi darah atau mukus).

Kesan-sesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas boleh berlaku di sesetengah pesakit. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuat anda rasa tidak sihat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03- 7883 5549, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)/ Vaccines (AEFI)*)

## Cara penyimpanan dan pelupusan

### -Penyimpanan

Simpan semua ubat daripada penglihatan dan jangkuan kanak-kanak.

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh tamat tempoh yang ditertera pada pek bungkus.

Simpan di bawah 25°C, jauhkan dari cahaya.

Serbuk kering tidak memerlukan penyejukan sehingga pembancuhan. Selepas pembancuhan, simpan di dalam peti sejuk dan gunakan dalam tempoh 7 hari.

### -Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat Lanjut

### -Rupa dan warna produk

#### **Ampicilla Capsule 250mg**

Serbuk putih kekuningan yang diisi ke dalam kapsul no.2 berwarna merah/kelabu.

# AMPICILLA CAPSULE / POWDER FOR ORAL SUSPENSION

Ampicillin (250mg, 125mg/5mL)

## **Ampicilla Powder for Oral Solution**

Serbuk halus putih, yang menjadi larutan suspensi merah jambu dan bau strawberry selepas dibancuh.

## **Nombor Siri**

NPRA(R4/1)300718/00218

### -Bahan bahan kandungan

#### **Ampicilla Capsule 250mg**

##### -Bahan aktif:

Setiap kapsul mengandungi Ampicillin trihydrate bersamaan dengan Ampicillin 250mg.

##### -Bahan tidak aktif:

Magnesium Stearate dan Talc Powder 325 Mesh.

### -Bahan bahan kandungan

#### **Ampicilla Powder for Oral Solution**

##### -Bahan aktif:

Setiap 5ml larutan suspensi Ampicillin Trihydrate bersamaan dengan 125mg Ampicillin.

##### -Bahan tidak aktif:

Sodium Carboxy Methyl Cellulose, Strawberry Powder, FDC Red, Sodium Benzoate, Sodium Saccharin, Sucrose, Sodium Citrate.

### -Nombor MAL

#### **Ampicilla Capsule 250mg**

MAL19900537AZ

#### **Ampicilla Powder for Oral Suspension**

MAL19890408AZ

### **Pengilang**

Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd (661901-P),  
Lot 120, Taman Farmaseutikal, 32610,  
Bandar Seri Iskandar, Perak, Malaysia.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd (661901-P),  
Lot 120, Taman Farmaseutikal, 32610,  
Bandar Seri Iskandar, Perak, Malaysia.

### **Tarikh Kemaskini RiMUP**

30/07/2018